

28/10/2001

300,000 pekerja asing akan dihantar pulang

M Noh Senan

PORT DICKSON: Kira-kira 300,000 pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) akan dihantar pulang ke negara asal mereka secara berperingkat berikutan langkah kerajaan menghadkan tempoh bekerja selama tiga tahun saja, berkuatkuasa serta merta.

Pekerja terbabit adalah daripada sektor perkilangan, perkhidmatan, pembinaan, pembuatan dan perladangan, kecuali pembantu rumah yang tidak mempunyai had tempoh perkhidmatan selain golongan profesional yang mempunyai permit kerja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, ketika mengumumkannya selepas upacara tamat latihan pegawai imigresen di Institut Kejuruteraan Tentera Darat, di sini semalam, berkata: "Berikutan penguatkuasaan peraturan baru itu, Jabatan Imigresen tidak akan memperbaharui semula PLKS pekerja asing yang berkhidmat selama tiga tahun di negara ini dan mereka perlu dihantar pulang ke negara asal.

"Bagaimanapun, Jabatan Imigresen memberikan lanjutan tiga bulan saja untuk memberi masa kepada majikan membuat persiapan menghantar pekerja berkenaan pulang atau hanya sebulan Pas Khas dikeluarkan untuk proses yang sama.

"Mengikut peraturan yang dikuatkuasakan pada masa ini, kerajaan membenarkan tempoh PLKS dilanjutkan sehingga tempoh maksimum enam tahun dan tujuh tahun bagi sektor perladangan.

"Kerajaan memutuskan tempoh perkhidmatan pekerja asing dipendekkan dan dihantar pulang ke negara asal berikutan keperluan tenaga kini boleh diisi rakyat tempatan sesuai dengan perkembangan ekonomi dunia sekarang."

Katanya, ini ditegaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Parlimen baru-baru ini yang mengumumkan kerajaan mengambil keputusan untuk mengurangkan penggunaan tenaga asing di negara ini dan digantikan dengan keperluan tenaga tempatan.

Beliau berkata, mengikut statistik Jabatan Imigresen, sebanyak 513,823 PLKS dikeluarkan kepada pekerja asing membabitkan sektor pembantu rumah, perkilangan, perkhidmatan, pembinaan, pembuatan dan perladangan pada sembilan bulan pertama tahun ini dan daripada jumlah itu, 183,969 adalah permohonan baru.

(END)